

MAHATHIR - PELABUR

1985

PARIT BUNTAR, 13 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK BERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PARA PELABUR DAN PENIAGA MENEROKAI BIDANG-BIDANG KEGIATAN BARU DI NEGARA INI BAGI MENCAPAI KEJAYAAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH PESAT.

BELIAU TIDAK MAHU MEREKA HANYA BERTUMPU KEPADA BEBERAPA BIDANG SAHAJA SEPERTI YANG BERLAKU SEKARANG.

AKIBATNYA MEREKA JUGA YANG MENGELUH KERANA USAHA ITU TIDAK BERJAYA SEDANG PELUANG-PELUANG DALAM KEGIATAN YANG LAIN MASIH LUAS TERBUKA DAN TIDAK PULA DITEROKAI, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASKIKAN LOJI TANAH PELUNTUR DAN ASID SULFURIK KILANG WEMBLEY ACTIVATED CLAY DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SIMPANG LIMA DI SINI HARI INI.

BELIAU MENYEBUT BEBERAPA BIDANG PERNIAGAAN YANG MENJADI TUMPUAN PARA PENIAGA DI NEGARA INI PADA MASA INI SEHINGGA MENYEBABKAN PERTUMBUHAN DALAM PERNIAGAAN ITU TIDAK DAPAT BERKEMBANG LAGI.

INI TERMASUKLAH BIDANG PEMBANGUNAN HARTA, SYARIKAT KEWANGAN, PERNIAGAAN MAKANAN SEGERA DAN MENJUAL KERETA-KERETA TERPAKAI JEPUN.  
-- LAGI.

1510MST 13 07 85

MAHATHIR - PELABUR 2 PARIT BUNTAR

+INILAH MASALAHNYA DI MALAYSIA APABILA SEMUA PENIAGA HANYA BERTUMPU KEPADA PERNIAGAAN ITU SAHAJA APABILA SEORANG MEMBUKA SYARIKAT BERKENAAN, MAKA RAMAILAH YANG MENGIKUTNYA.

+DALAM BIDANG SYARIKAT KEWANGAN, MISALNYA, KALAU BOLEH TIAP-TIAP SEORANG HENDAK MENDAPAT SEORANG SATU LESEN,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, APABILA PERNIAGAAN TIDAK BERJAYA MEREKA AKAN BERKATA PERNIAGAAN ITU MEROSOT SEDANGKAN HAKIKATNYA IALAH SYARIKAT DALAM BIDANG ITU TERLALU BANYAK SEMENTARA PEMBELINYA TIDAK BERTAMBAH DENGAN BANYAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBIDAS PENIAGA-PENIAGA YANG MEMOHON SESUATU LESEN PERNIAGAAN TETAPI TIDAK MENGUSAHAKANNYA SETELAH LESEN ITU DIPEROLEHI.

ADA KEMUNGKINAN MEREKA HENDAK MENJUAL LESEN ITU, TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA MEMINTA PARA PENIAGA MEMBUAT KAJIAN BAGI MENEROKAI BIDANG KEGIATAN EKONOMI YANG BERPOTENSI DAN TIDAK MENGHADAPI SAINGAN HEBAT. -- LAGI.

1512MST 13 07 85

#### MAHATHIR - PELABUR 3 PARIT BUNTAR

+MALAYSIA KAYA DENGAN SUMBER ALAMNYA YANG BOLEH DIEKSPLOITASIKAN.

+MISALNYA JIKA BERCAKAP MENGENAI LOMBONG BUKAN BERERTI YANG MELOMBONG BIJIH TIMAH SAHAJA.

+BANYAK PERUSAHAAN SAMPINGAN LAIN BOLEH DIDAPATI DARIPADA PUSAT ITU TERMASUK PROSES BATU-BATA, PASIR, TANAH LIAT UNTUK SERAMIK DAN SEBAGAINYA,+ TAMBAHNYA.

DI SINILAH PARA PENIAGA PERLU BERFIKIRAN LUAS DAN TERBUKA UNTUK MENEROKAI KEGIATAN YANG BARU, TAMBAHNYA. -- BERNAMA.

1515MST 13 07 85